

10/09/1998

Ghani percaya rakyat sukar dipengaruhi

JOHOR BAHRU, Rabu - Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, yakin rakyat negeri ini tidak mudah percaya atau dipengaruhi oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berhajat menggerakkan reformasi ke seluruh negara untuk menjelaskan kedudukannya sekarang.

Menurutnya, rakyat boleh membezakan masalah peribadi yang dihadapi bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu sehingga tindakan diambil untuk memecatnya daripada Kabinet dan Umno.

Apa yang lebih penting sekarang, katanya, ialah kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara.

Beliau mengingatkan Anwar supaya tidak cuba mengelirukan rakyat dengan masalah yang dihadapinya hingga boleh membawa kesan buruk kepada negara.

"Seboleh-bolehnya, saya mahu masyarakat mendengar nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dulu. Keadaan yang membabitkan Anwar banyak berkisar soal peribadinya dan ia tidak sepatutnya membabitkan masyarakat di negara ini.

"Anwar tidak harus bertindak sedemikian kerana dia mengetahui perkara yang betul dan salah," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco kerajaan negeri, hari ini.

Beliau mengulas pendirian Anwar untuk menggerakkan reformasi dengan menjelajah seluruh negara bagi menjelaskan kedudukannya.

Bagaimanapun, atas nasihat penyokongnya, Anwar membatalkan rancangan itu. Ini adalah pembatalan kali kedua selepas kali pertama ditangguhkan Sabtu lalu.

Abdul Ghani yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor berkata, bukan mudah bagi Perdana Menteri membuat keputusan paling berat terutama ketika negara dilanda kegawatan ekonomi.

Menurutnya, selain mempunyai bukti kukuh dan hak sebagai ketua kerajaan dan selaku Presiden parti, Perdana Menteri juga membentangkan perkara itu kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk perbincangan sebelum keputusan muktamad dibuat.

"Dari situ, MT secara kolektifnya membuat pendirian dengan menyokong setiap tindakan Perdana Menteri selepas mengambil kira setiap aspek dan implikasinya," katanya.

(END)